

10/12/1998

Rebut peluang beli rumah ketika kempen

KUALA LUMPUR, Rabu - Orang ramai perlu merebut peluang membeli rumah ketika Kempen Pemilikan Rumah sebulan mulai Sabtu ini kerana ia adalah satu tawaran menarik.

Pakar industri sektor hartanah menyifatkan, kempen itu menawarkan pakej terbaik dari semua segi termasuk harga dan potongan, kadar faedah, proses pinjaman dan penyertaan menyeluruh semua pihak.

Kempen itu akan dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Sabtu ini dan beberapa model projek turut dipamerkan.

Ketua Pegawai Operasi Henry Butcher Marketing Sdn Bhd (Henry Butcher), Tang Chee Meng, berkata kini adalah masa paling baik bagi orang ramai membeli rumah kerana bank yang menyertai kempen ini turut menjamin proses pinjaman yang lebih mudah.

"Peluang seperti ini jarang sekali ditawarkan," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Tang menjangka kempen itu akan mendapat sambutan berikutan kesediaan pemaju memberi potongan 10 peratus bagi pembelian rumah berharga tidak lebih RM250,000 dan tambahan lima peratus lagi kepada Bumiputera.

Katanya, tarikan akan lebih tertumpu kepada projek kediaman bertanah berharga RM150,000 ke atas seperti rumah banglo atau rumah berangkai dua tingkat kerana faktor kepentingan jangka panjang.

Menurutnya, kempen itu dijangka meningkatkan semula jumlah unit rumah kediaman bertanah RM150,000 ke atas yang ditawarkan dalam projek baru yang terjejas ketika kegawatan tahun lalu.

Seorang lagi penilai hartanah, Pengarah Eksekutif Jones Lang Wootton Sdn Bhd, Malathi Thevendran, berkata orang ramai boleh membantu industri hartanah tempatan dengan menyertai kempen ini.

"Walaupun penyertaan mereka mungkin dapat menaikkan semula industri hartanah secara jangka pendek, ia adalah satu permulaan baik untuk menggalakkan pertumbuhan seterusnya," katanya.

Thevendran berkata, industri hartanah keseluruhannya jatuh 10 peratus tahun lalu dan jika mengikut sektor, hartanah kos tinggi termasuk komersil, menjunam antara 10 hingga 30 peratus, manakala kondominium jatuh 25 peratus.

(END)